

# Telur tetap tidak cukup walaupun import – Mydin

**SEREMBAN** – Jualan telur di rangkaian pasar raya besar Mydin hanya mencapai 640,000 biji sebulan berkurang hampir separuh, berikutan krisis kekurangan telur ayam di pasaran tempatan sejak tiga bulan lalu.

Pengarah Eksekutif Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Ahimmat Mydin berkata, walaupun telur import telah dibenarkan, namun ia masih tidak dapat menampung keperluan pengguna berbanding jualan 1.6 juta biji telur sebulan pada waktu normal.

“Kita sudah terima telur import dari India, tetapi masih tidak cukup. Semestinya pengguna lebih memilih telur tempatan berbanding yang diimport

“Dari segi keuntungan, lebih kurang sama apabila harga telur import gred C dijual pada harga 50 sen sebiji, manakala telur Gred C tempatan dijual pada harga 41 sen sebiji,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.


Beliau ditemui selepas Program Jelajah Generasi Pintar @ Mydin Prihatin dengan memberi bantuan keperluan sekolah kepada murid kurang berkemampuan di Mydin Seremban 2 di sini semalam.

Jelas Ahimmat, pengimportan telur perlu mengambil kira kos pengangkutan, selain risiko mudah pecah ketika dibawa masuk ke negara ini.

“Bagaimanapun, dengan kemasukan telur import dan dasar ekonomi terbuka, bekalan telur dijangka kembali stabil dalam tempoh dua ke tiga bulan lagi.

“Harga barangan boleh diturunkan sekiranya import dibenarkan dengan mengguna pakai teori semakin banyak barangan, maka kos harga dapat dikurangkan,” katanya.

Ahimmat memberitahu, perkara itu dapat menggalak usaha kerajaan untuk menurunkan harga barangan, sekali gus menyumbang kepada pendapatan negara menerusi cukai import.



**SEJAK** krisis telur bermula, pengguna sukar untuk mendapatkan bahan makanan itu untuk kegunaan harian. – GAMBAR HIASAN